



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN GURU KEMBALI MENGAJAR
BAGI SESI PERSEKOLAHAN BERMULA JANUARI 2026**

NURUL IZZATI BINTI MOHD RIZA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN KIMIA DENGAN
KEPUJIAN**

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN GURU KEMBALI MENGAJAR BAGI SESI
PERSEKOLAHAN BERMULA JANUARI 2026**

NURUL IZZATI BINTI MOHD RIZA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KIMIA) DENGAN KEPUJIAN**

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 1 haribulan Februari 2024.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **NURUL IZZATI BINTI MOHD RIZA** bernombor matrik **D20201095428** dari Jabatan Kimia, Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN GURU KEMBALI MENGAJAR BAGI SESI PERSEKOLAHAN BERMULA JANUARI 2026** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

(NURUL IZZATI BINTI MOHD RIZA)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **YUHANIS BINTI MHD BAKRI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN GURU KEMBALI MENGAJAR BAGI SESI PERSEKOLAHAN BERMULA JANUARI 2026** dihasilkan oleh pelajar nama di atas.

(YUHANIS BINTI MHD BAKRI)

Tarikh: 1 Februari 2024





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi atas berkat dan Izin-Nya, saya dapat menyiapkan laporan projek penyelidikan tahun akhir ini dengan jayanya.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, Dr. Yuhanis Binti Mhd Bakri di atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, dan masa yang diberikan serta membantu saya tanpa jemu dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Kimia, penyelaras kursus dan pakar-pakar kesahan yang terlibat dalam menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang dikasih, Encik Mohd Riza Bin Mohd Nor dan Puan Nik Hasni Binti Nik Musa atas sokongan, kata-kata semangat dan kewangan yang telah diberikan. Saya juga berbesar hati ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah memberi tunjuk ajar dan tidak kekok untuk memberikan pertolongan walaupun tanpa dipinta.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada mana-mana pihak yang terlibat sama secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Semoga penyelidikan ini mampu memberi manfaat kepada semua pihak.



Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan perubahan pada permulaan takwim persekolahan daripada Januari kepada Mac mulai tahun 2021. Pada tahun 2026, Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan takwim akan dikembalikan kepada Januari. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari dariaspek pengetahuan dan kebimbangan. Reka bentuk kajian ialah kajian tinjauan. Sampel adalah dalam kalangan guru sebuah sekolah swasta di Kelantan. Jumlah sampel kajian sebenar ialah seramai 100 responden. Kesahan soal selidik telah dinilai oleh dua orang pakar dengan mendapat nilai purata 90% persetujuan. Nilai purata Alfa Cronbach kebolehpercayaan soal selidik ialah 0.9. Analisis statistik deskriptif dengan min dan sisihan piawai telah dilakukan menggunakan perisian SPSS versi 27. Kajian ini mendapati tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.58 ($S.P=0.346$) manakala tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar dari aspek kebimbangan berada pada tahap yang rendah berdasarkan nilai min iaitu 2.50 ($S.P=0.861$). Ini menunjukkan responden mengetahui tentang perubahan yang akan berlaku dan mereka tidak bimbang dengan perubahan yang akan berlaku. Kesimpulannya, tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari mendapati bahawa guru-guru tidak bimbang dan bersedia untuk kembali mengajar jika sesi persekolahan diubah semula kepada Januari. Implikasi kajian ini ialah takwim persekolahan yang dikembalikan kepada Januari dapat memudahkan dan menyelaraskan perancangan pelbagai pihak termasuk sekolah, guru dan ibu bapa terutama dalam meminimumkan impak keseluruhan seperti banjir semasa persediaan SPM.

Kata kunci: COVID-19, pengetahuan, kebimbangan, kesediaan





SURVEY OF TEACHERS' READINESS LEVEL FOR SCHOOL SESSION RETURNING TO JANUARY IN 2026

ABSTRACT

The spread of the COVID-19 pandemic has caused a change in the start of the school calendar from January to March starting in 2021. In 2026, the Malaysian Ministry of Education stated that the calendar will be returned to January. Therefore, this study was conducted to determine the level of readiness of teachers for school session returning to January from the aspect of knowledge and concern. The study design was a survey study. The sample is among the teachers of a private school in Kelantan. The total sample of the actual study was 100 respondents. The validity of the questionnaire was evaluated by two experts with an average of 90% agreement value. The average Cronbach's Alpha value of the questionnaire's reliability was 0.9. Descriptive statistical analysis with mean and standard deviation was done using SPSS software version 27. This study found that the level of teacher readiness in terms of knowledge was at a high level with a mean value of 3.58 ($S.P=0.346$) while the level of teacher readiness to return to teaching from the aspect of anxiety was at a low level based on the mean value of 2.50 ($S.P=0.861$). This shows that the respondents know about the changes that will happen and they are not worried about it. In conclusion, the teachers are ready the school session which will begin in January in 2026. The implication of this study is that the school calendar which will begin again in January will facilitate and coordinate the planning of various parties including schools, teachers and parents, especially in minimizing the overall impact such as floods during SPM preparation.

Keywords: COVID-19, knowledge, concerns, preparedness





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii



BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Pendidik	7
1.8 Definisi Operasi	7
1.8.1 Tahap Kesediaan	8
1.8.2 Guru	8
1.9 Rumusan	8





BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	9
2.2 Sejarah Awal Pendidikan di Malaysia	10
2.3 Impak Covid-19 Kepada Global	11
2.4 Impak Covid-19 Kepada Sistem Pendidikan	12
2.5 Kesediaan Guru Kembali Mengajar Selepas Pandemik (Pascacovid)	13
2.6 Teori dan Model Yang Mendasari Kajian	14
2.6.1 Teori Behaviorisme	14
2.7 Rumusan	16

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	17
3.2 Reka Bentuk Kajian	18
3.2.1 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	18
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	18
3.4 Instrumen Kajian	19
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	
3.5.1 Kesahan	20
3.5.2 Kebolehpercayaan	21
3.6 Prosedur Kajian	22
3.7 Analisis Data	24
3.8 Rumusan	26

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan	27
4.2 Analisis Data Demografi	28





4.3 Analisis Data Kesediaan Guru Kembali Mengajar bagi
Sesi Persekolahan Bermula Januari 2026 bagi Setiap Aspek

4.3.1 Analisis Data Berdasarkan Aspek Pengetahuan	29
4.3.2 Analisis Data Berdasarkan Aspek Kebimbangan	32
4.4 Perbincangan Persoalan Kajian	38
4.5 Rumusan	40

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	41
5.2 Ringkasan Kajian	41
5.3 Kesimpulan Kajian	42
5.4 Implikasi Kajian	44
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	44



RUJUKAN 47

LAMPIRAN A 52

LAMPIRAN B 68

LAMPIRAN C 77

LAMPIRAN D 78

LAMPIRAN E 80

LAMPIRAN F 87

LAMPIRAN G 88





SENARAI JADUAL

No.	Muka Surat	
Jadual		
3.1	Skala Likert Empat Mata	19
3.2	Kesahan soal selidik	21
3.3	Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach	21
3.4	Nilai Alfa Cronbach bagi kajian rintis	22
3.5	Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata	25
3.6	Interpretasi Sisihan Piawai	25
4.1	Taburan demografi responden	28
4.2	Taburan responden berdasarkan aspek pengetahuan	30
4.3	Taburan responden berdasarkan aspek kebimbangan	32
4.4	Taburan Deskriptif Nilai Min dan Sisihan Piawai	38





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI RAJAH

No.	Muka Surat	
Jadual		
3.1	Formula bagi kesahan oleh pakar	20
3.2	Carta Alir Prosedur Kajian	23
3.3	Peta minda analisis data	24



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

COVID-19	Coronavirus
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK21	Pendidikan Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
s.p	Sisihan Piawai





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Kesahan Soal Selidik
- B Soal Selidik Tinjauan Tahap Kesediaan Guru Kembali Mengajar Bagi Sesi Persekolahan Bermula Januari 2026
- C Nilai Alfa Cronbach bagi setiap kosntruk
- D Taburan Data Demografi Responden
- E Analisis Soal Selidik Melalui Statistik Deskriptif
- F Taburan Descriptif Item bagi Setiap Konstruk
- G Kesediaan Guru Kembali Mengajar Bagi Sesi Persekolahan Bermula Januari 2026 Dari Aspek Pengetahuan Mengikut Konstruk Pengetahuan
- H Kesediaan Guru Kembali Mengajar Bagi Sesi Persekolahan Bermula Januari 2026 Dari Aspek Kebimbangan Mengikut Konstruk Kebimbangan





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), pendidikan ditafsirkan sebagai perihal mendidik. Pendidikan amat penting bagi manusia, ianya bermula sejak dalam kandungan sehingga kita mati. Manusia akan dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Keputusan yang tepat mudah dibuat jika individu dan keluarga itu berilmu pengetahuan. Seseorang yang berpendidikan dipandang mulia oleh semua golongan. Mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi dan dapat membezakan antara perkara yang baik dan perkara yang buruk. Manusia dapat berfikir secara rasional, bebas dan baik hasil daripada pendidikan disamping ianya juga dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan.





Pendidikan terbahagi kepada tiga kategori iaitu pendidikan formal, pendidikan tidak formal dan pendidikan informal. Pendidikan formal ialah pendidikan yang diterima di mana-mana institusi pengajian seperti di sekolah, universiti atau madrasah. Pendidikan formal mempunyai tenaga pengajar seperti guru atau pensyarah yang menyampaikan maklumat dan ianya teratur dan tersusun. Seterunya, pendidikan tidak formal ialah pendidikan yang berlaku secara sendiri diluar bilik darjah seperti belajar secara berkumpulan, kegiatan kokurikulum dan sebagainya. Akhir sekali, pendidikan informal ialah pendidikan yang diterima secara langsung melalui interaksi antara ibubapa, rakan-rakan, orang sekeliling atau melalui peranti elektronik seperti televisyen atau telefon bimbit.



Pendidikan merupakan proses dinamik dan berubah dari semasa ke semasa serta mempunyai pelbagai usaha seperti merancang, merangka semula dan menaiktarafkan sistem pendidikan (Vhyshnavi Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin, 2021). Sistem pendidikan boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa. Sebagai contoh, ketika Malaysia dilanda wabak COVID-19 pada tahun 2020, sistem pendidikan di Malaysia telah berubah daripada pembelajaran secara bersempua kepada pembelajaran secara atas talian. Perubahan sistem pendidikan telah menyebabkan perubahan takwim sekolah. Jika sebelum ini takwim sekolah di Malaysia bermula pada Januari, namun akibat penularan COVID-19 menyebabkan takwim sekolah telah berubah kepada Mac.





Guru-guru perlulah membuat persediaan rapi terhadap perubahan sistem pendidikan yang sentiasa berubah-ubah supaya sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berjalan dengan lancar. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang perkara-perkara asas berkaitan kajian yang ingin dilakukan. Ianya mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasi, batasan kajian, dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sebelum Malaysia dilanda wabak COVID-19, takwim persekolahan bermula pada bulan Januari setiap tahun. Murid-murid sekolah rendah dan menengah belajar di sekolah bermula bulan Januari dan berakhir pada bulan Disember setiap tahun. Namun begitu, pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada akhir 2019 menyebabkan banyak ekonomi terjejas termasuklah sistem pendidikan. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlaku, sekolah-sekolah terpaksa ditutup dan telah mengakibatkan perubahan besar berlaku ke atas takwim persekolahan di Malaysia yang mana sesi persekolahan tidak lagi bermula pada Januari seperti pre-pandemik dan telah diubah daripada Januari kepada Mac pada tahun 2022.

Selepas lebih setahun murid-murid bermula sesi persekolahan pada bulan Mac, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui menterinya iaitu Fadhlina Sidek (2023) menyatakan sesi persekolahan akan kembali semula kepada Januari mulai tahun 2026. Melalui tinjauan pendapat di aplikasi *Twitter*, pembaca Berita Harian sebanyak 84





peratus bersetuju supaya takwim sesi persekolahan kembali bermula Januari berbanding Mac (Rohaniza Idris, 2023).

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Fadhlina Sidek (2023) dalam akhbar Harian Metro, KPM perlu memastikan silibus setiap subjek dapat diselesaikan jika ingin mengembalikan semula kalender akademik persekolahan pada Januari dan berakhir Disember selain tidak mengganggu jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Ini untuk memastikan silibus setiap matapelajaran dapat dihabiskan dengan lancar dan sistematik bagi semua tingkatan. Selain daripada peperiksaan, tarikh cuti juga perlu diambil kira. Cuti penggal itu tidak boleh dikurangkan sejak dahulu lagi kerana guru dan murid memerlukan masa untuk tbupsi berehat (Alimuddin, 2023).

Murid-murid perlu melengkapkan sesi persekolahan selama 190 hari setahun mengikut Akta Pendidikan 1996. Jadi jika ingin melengkapkan jumlah sesi persekolahan tersebut, guru dan murid perlu mengorbankan jumlah cuti mereka kerana masa yang diberikan untuk kembalikan sesi persekolahan kepada bulan Januari hanya kurang 10 bulan. Ianya agak sukar kerana 190 hari bukanlah tempoh yang sedikit untuk dilaksanakan. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Pkharuddin Ghazali (2023) yang menyatakan bahawa sesi persekolahan pada Januari sebenarnya boleh kembali (sesi persekolahan pada Januari) dengan cepat sekiranya guru-guru dan murid sanggup mengorbankan cuti-cutি yang ada.





Terdapat beberapa pandangan berkenaan perubahan ini. Sebilangan masyarakat lebih cenderung kepada permulaan takwim sesi persekolahan pada Mac kerana mengambil kira musim banjir yang biasa melanda pada Disember dan Januari (Rohaniza Idris, 2023). Ibu bapa khususnya bimbang berlakunya musim banjir pada bulan Disember menyebabkan mereka kekangan masa untuk membuat persiapan membeli barang keperluan anak-anak untuk sesi persekolahan awal Januari seperti yang berlaku pada tahun 2022.



Namun begitu, ada pandangan yang menginginkan sesi persekolahan kembali semula kepada bulan Januari kerana sistem persekolahan yang ada sekarang mengelirukan banyak pihak termasuklah guru, murid-murid dan ibu bapa. Murid-murid juga tidak bersemangat untuk ke sekolah kerana mereka sudah keliru bila waktunya sebenar cuti tahun baharu. Tambahan lagi ibu bapa sukar untuk mengatur bajet perbelanjaan kerana sesi persekolahan 2024 bermula pada bulan Mac dan pada masa yang sama mereka perlu membuat persiapan untuk Aidilfitri yang bakal menjelang pada bulan April.

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari. Ianya diukur dari segi aspek pengetahuan dan kebimbangan guru-guru di sekolah. Kajian ini mensasarkan kepada guru disebuah sekolah swasta di Kelantan. Secara umumnya, kajian ini





dilakukan supaya guru-guru lebih bersedia untuk mengajar dan ianya penting untuk menarik minat murid untuk belajar.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari.

1. Mengkaji tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari dari aspek pengetahuan.
2. Mengkaji tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari dari aspek kebimbangan.



1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari dari aspek pengetahuan?
2. Apakah tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari dari aspek kebimbangan?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kesediaan guru untuk kembali mengajar bagi sesi pengajaran bermula Januari.

Kajian ini terbatas kepada beberapa faktor iaitu:

- i. Kajian ini melibatkan guru sebuah sekolah swasta di Kelantan.





- ii. Responden bagi kajian ini adalah dalam kalangan guru.
- iii. Tinjauan dilakukan menggunakan *google form*.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru sekolah untuk kembali mengajar bagi sesi pengajaran bulan Januari. Kajian ini memberikan kepentingan secara langsung dan tidak langsung kepada golongan-golongan yang terlibat dalam sistem Pendidikan iaitu bagi guru sebagai pendidik dan pihak sekolah.

1.7.1 Pendidik

Kajian ini amat penting bagi pendidik iaitu guru kerana kajian yang dijalankan adalah untuk guru-guru membuat persediaan awal, jadi guru-guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya berjalan dengan lancar. Selain itu, guru dapat membuat persediaan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar.

1.8 Definisi Operasi

Pengkaji akan menjelaskan secara terperinci definisi operasi yang digunakan bagi istilah-istilah yang ada dalam kajian. Ianya supaya pembaca lebih faham setiap istilah yang digunakan dan tidak menimbulkan kekeliruan.

1.8.1 Tahap Kesediaan





Tahap kesediaan ialah untuk mengukur sejauh mana seseorang itu bersedia mendepani sesuatu situasi atau perkara. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tahap ialah peringkat manakala kesediaan ialah perihal sedia, kesanggupan atau kerelaan.

1.8.2 Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, guru ialah orang yang mengajar, pendidik, pengajar atau pengasuh. Dalam erti kata lain, guru ialah seseorang yang menyampaikan ilmu kepada penerima yang biasanya disebut pelajar.

1.9 Rumusan



Kesimpulannya, bab ini merumuskan tentang gambaran keseluruhan tentang kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Matlamat utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji tahap kesediaan guru kembali mengajar bagi sesi persekolahan bermula Januari.

